

NO SOALAN :73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
(KANOWIT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.05.2015

Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan masalah dan kejayaan dan penerimaan rakyat ke atas pelaksanaan GST yang mula dilaksanakan pada 1 April 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedar bahawa apabila GST dilaksanakan, Kerajaan menjangkakan akan timbul masalah peralihan walaupun persiapan rapi telah dibuat.

Walau bagaimanapun, masalah-masalah tersebut sedang diatasi dan keadaan dijangka kembali stabil dalam tempoh 6 hingga 12 bulan GST dilaksanakan.

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah untuk memastikan supaya rakyat dapat memahami dengan tepat mengenai tujuan dan matlamat pelaksanaan GST. Kempen-kempen mengenai GST kepada orang awam telah dilaksanakan melalui media cetak (majalah, surat khabar, *handbook*), elektronik (televisyen, radio), *out-of-home* (*banner*) serta secara *online* (media sosial, *portal*). Bagi terus mempromosikan kempen GST, video berbentuk kapsul diedarkan kepada agensi Kerajaan bagi membuat pendedahan secara berterusan. Program seperti Siri Jelajah Kempen GST turut dijalankan di seluruh negeri (Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak) supaya orang awam dapat memperolehi maklumat GST secara telus dan tepat. Menerusi program tersebut, maklumbalas daripada orang awam turut dikumpul dan majoriti mengakui bahawa kesedaran mengenai GST sudah meningkat berbanding dahulu.

Selain dari program kesedaran dan latihan, Jabatan Kastam Diraja

Malaysia (JKDM) juga telah mengadakan program *handholding* kepada syarikat-syarikat yang telah mendaftar GST. Program *handholding* ini dijalankan oleh JKDM di peringkat negeri dan lebih menjurus kepada keperluan setiap sektor bagi memudahkan pemahaman yang terperinci mengenai pelaksanaan GST di kalangan peniaga.

Untuk makluman Yang Berhormat, rata-rata rakyat sudah mula menerima GST di mana aduan kepada JKDM dan KPDNKK telah mengalami pengurangan pada bulan Mei berbanding bulan April. Bagi tempoh 1 hingga 10 Mei 2015, KPDNKK telah mencatatkan sebanyak 285 aduan sahaja manakala tempoh yang sama pada bulan April telah mencatatkan 3,577 aduan. Penurunan ini adalah kerana pemahaman pengguna dan peniaga telah meningkat dan Kerajaan menjangkakan bahawa trend ini akan berterusan apabila peniaga dan orang ramai lebih memahami GST dan pelaksanaannya.